



SIARAN MEDIA

UNTUK EDARAN SEGERA

CIDB RAIKAN PENCAPAIAN CEMERLANG DALAM KESELAMATAN & KESIHATAN, KEMAMPANAN ALAM SEKITAR DAN KUALITI

KUALA LUMPUR, 20 Oktober 2022: Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) hari ini meraikan penggiat industri yang berjaya meraih pencapaian cemerlang di dalam keselamatan & kesihatan, kemampanan alam sekitar dan kualiti sempena Hari *Safety & Health, Environment and Quality* (SHEQ) 2022 ke arah menjadikan keselamatan & kesihatan, kemampanan dan kualiti satu budaya dalam sektor pembinaan.

Pengiktirafan diberikan ke atas pencapaian tertinggi di dalam Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC), Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan dalam Pembinaan (SHASSIC), serta penarafan hijau MyCREST dan Sustainable INFRASTAR 2022.

Di dalam penilaian kualiti, QLASSIC, bagi tahun 2021, sebanyak 10 syarikat kontraktor berjaya mendapat markah 86% ke atas. Tahun 2021 juga telah mencatatkan markah tertinggi untuk QLASSIC sejak ia diperkenalkan, iaitu 90%. Purata penilaian QLASSIC pada tahun 2021 telah meningkat kepada 73% berbanding 71% pada tahun 2020 dan 69% pada tahun 2019. Peningkatan tahap kualiti ini adalah sesuatu yang positif dan memberangsangkan.

Bagi penilaian Keselamatan dan kesihatan, SHASSIC, 10 syarikat kontraktor telah berjaya menerima pengiktirafan kecemerlangan, sementara lapan syarikat pemilik projek berjaya menerima pengiktirafan di dalam penilaian MyCREST dan Sustainable INFRASTAR.

Anugerah ini diadakan untuk menggalakkan saingen yang sihat di antara penggiat industri, serta meningkatkan kualiti, keselamatan dan kemampanan alam sekitar dalam projek pembinaan agar industri pembinaan Malaysia dapat menjadi satu industri yang bertaraf dunia, kompetitif dan mampan.

“Majlis pengiktirafan seumpama ini amat penting bagi menggalakkan lebih ramai penggiat industri pembinaan untuk meningkatkan pencapaian mereka daripada segi kualiti, keselamatan dan kemampanan alam sekitar di dalam projek pembinaan. Ia juga berupaya menggalakkan saingen sihat di antara penggiat industri,” kata Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Kerja Raya Malaysia semasa ucapan perasmianya.

“Kualiti hasil kerja pembinaan amat dititikberatkan dan antara faktor utama untuk menjadikan industri pembinaan Malaysia boleh berdaya saing dengan syarikat-syarikat bertaraf dunia,” kata Datuk Ir. Ahmad ‘Asri b. Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

Sistem penarafan dan penilaian ini selaras dengan Dasar Pembinaan Negara (NCP) 2030 untuk menerapkan amalan terbaik di dalam Keselamatan dan Kesihatan, Kemampanan Alam Sekitar dan Kualiti dalam industri pembinaan.

NCP 2030 telah menggariskan QLASSIC sebagai satu kaedah yang diiktiraf dalam menilai kualiti hasil kerja sesebuah projek pembinaan bangunan di bawah teras ‘Memperkasakan Kualiti dan Keselamatan Dalam Sektor Pembinaan’. SHASSIC juga digariskan di bawah teras ini untuk memperkuatkannya amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tapak bina.

CIDB telah memperkenalkan alat penarafan kemampanan pembinaan iaitu MyCREST bagi penilaian bangunan dan ‘Sustainable INFRASTAR’ bagi penilaian

infrastruktur, yang selaras dengan teras kedua NCP iaitu ‘Penerapan Persekutaran Pembinaan yang Lestari’.

“NCP yang bertemakan Pendigitalan Industri Pembinaan merupakan satu dasar yang bertujuan memperkasakan lagi sektor pembinaan negara dengan penggunaan teknologi ke arah pembinaan yang lebih lestari dan mampan serta selamat dan berkualiti tinggi,” jelas Datuk Arthur mengenai NCP 2030.

“Pencapaian yang diraikan pada hari ini menunjukkan bahawa penggiat industri di negara kita berupaya melaksanakan projek-projek pembinaan dengan menitikberatkan kualiti hasil kerja, kelestarian alam sekitar dan memastikan semua garis panduan kesihatan dan keselamatan di tapak bina dipatuhi,” tambah beliau.

Mengenai CIDB

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.
